

03/04/1998

Sentuhan Perak pancar semangat pejuang

Jamudin Idris

WALAUPUN seseorang karyawan tidak dibatasi dengan tema untuk menyertai pameran Sentuhan Perak, yang kali pertama diadakan di ibu kota, tetapi nampaknya teknik berkarya berdasarkan paparan imej pemandangan, haiwan, aktiviti dan objek berbau Perak, begitu mendominasi karya yang menyertai pameran itu.

Hal ini begitu mudah dikesan jika diperhatikan beberapa karya seperti yang diungkapkan Hamidon Ahmed menerusi Warisan, manakala Muzafar Saari dengan siri Langkah Tari Lembing (Junjung Kasih) dan Langkah Tari Lembing (Hadiah buat Birch) dari bentuk wall sculpture.

Karya Muzafar masih mempunyai akar umbi sendiri yang bersifat semangat perjuangan melawan penjajahan di Perak. Lembing bagi seniman itu melambangkan masyarakat bawahan kerana lembing dipegang oleh pekerja biasa istana.

Muzafar yang mengaku sudah lebih enam tahun tidak berkarya begitu mengagumi si Puntun - orang yang membunuh Birch. Karyanya membawa mesej menyokong semangat pejuang bangsa itu.

Junjung kasih pula disimbolkan melalui keris sebagai tanda setia, kerana keris begitu dominan dengan orang Melayu.

Hamidon melalui karya bertajuk Warisan, mempamerkan seorang wanita tua yang sedang tekun menghasilkan labu sayong dan disaksikan seorang kanak-kanak. Kraf seramik ini mendapat namanya daripada Sayong, sebuah perkampungan di Kuala Kangsar, Perak.

Pameran seni tampak Sentuhan Perak, anjuran Yayasan Kesenian Perak diadakan di Balai Seni Maybank, Kuala Lumpur. Ia dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib pada 30 Mac lalu dan pameran itu berlangsung sehingga 8 April.

Antara 30 pelukis yang menyertai pameran, termasuk Choong Kam Kow, Mansor Ghazalli, Ramlan Abdullah, Juhari Said, Raja Zahabuddin, Arifin Ismail, Syed Mohd Shahidin, Fauzin Mustafa, Ahmad Azaahari serta pelukis muda seperti Fadzil Idris, Sharmiza Hassan dan Hamdan Shaarani.

Sempena pameran itu turut dilancarkan logo Pekan Seni Ipoh 111 98' yang dijangka diadakan pada 5 hingga 15 September di Ipoh. Tema festival ialah 'Kesinambungan dan Perubahan Tradisi Kesenian' dengan motonya Alam, Seni dan Perjalanan.

Loo Win dan Wong Kean Choon meluahkan kreativiti menerusi medium cat air. Sapuan berus yang bersahaja tetapi mengandungi lapisan warna yang harmoni menguatkan lagi persembahan mereka. Imej dan pandangan alam yang terdapat di sekitar Perak khususnya bukit batu kapur dan sungai memberi gambaran Perak yang makmur.

Seniman ternama lain seperti Ramlan Abdullah dengan acara berjudul Kerbau, yang melambangkan bentuk keris, jelas membawa mesej ketuanan Melayu, manakala Raja Shahrman dengan Takhta Perebutan menghantar mesej kerusi yang menjadi perebutan manusia sejak dulu lagi.

Untuk memiliki kerusi manusia sanggup berbunuh sesama sendiri kerana kerusi bagi Raja Shahrman adalah melambangkan kuasa. Mohd Yusof Baki menghasilkan karya berjudul Potrait of Mahathir dan Potrait of Anwar dengan menggunakan media Burnmark.

Ramli dalam ucapannya berkata, kegiatan seni dan budaya penting bagi mewujudkan ketabahan jiwa dan keyakinan diri kepada rakyat negara ini.

"Dalam kegawatan ekonomi sekarang, sikap tabah dan yakin diri yang disemai melalui seni boleh membantu kita mengharungi segala cabaran yang

timbul akibat daripada krisis ekonomi," katanya.

Ramli bangga dengan pameran yang dijayakan anak Perak yang dianugerahkan dengan bakat dan kreativiti seni.

Sementara Pengerusi Yayasan Kesenian Perak, Raja Ahmad Aminullah Raja Abdullah, dalam ucapannya menjelaskan bahawa kerjasama erat daripada tokoh dan penggiat budaya, pelukis dan penulis termasuk seniman dan sasterawan negara bagi menjayakan program mengenengahkan pencipta seni di ibu negara yang rancak dengan kegiatan kesenian itu amat disanjung tinggi.

Ini amat berharga dan menjadi motivasi kepada pelukis Perak untuk meluahkan kreativiti mereka dengan penghasilan karya yang boleh diberi perhatian.

Raja Ahmad juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Maybank yang turut memberikan kerjasama menjayakan pameran Sentuhan Perak, yang pada majlis perasmian itu jumlah hadirinnya cukup baik, malahan di luar jangkaan pihak penganjur.

(END)